

Hubungan dua hala Malaysia-Australia diperkukuh

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Lawatan kerja Menteri Luar Australia, Penny Wong ke Malaysia bakal membuka lebih banyak peluang kerjasama di bawah Rakan Kerjasama Komprehensif Strategik (CSP) kedua-dua negara.

Wisma Putra dalam satu kenyataan berkata, lawatan dua hari yang dijadual bermula semalam itu mencerminkan komitmen tinggi kedua-dua negara untuk mengukuhkan lagi hubungan.

Kenyataan itu menyebut, kedua-dua pihak mempunyai kerjasama erat pelbagai sektor termasuk pertahanan, sains dan teknologi, pendidikan, pencegahan keganasan serta perdagangan dan pelaburan.

Wisma Putra berkata, Wong juga akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli hari ini dan menghadiri program yang diatur oleh Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur.

Wisma Putra turut menyatakan bahawa Australia adalah



ANWAR Ibrahim menerima kunjungan hormat Penny Wong di Putrajaya semalam.

rakan rapat dan penting bagi Malaysia.

Menurut kenyataan tersebut, pada tahun lalu, jum-

lah dagangan dua hala antara kedua-dua negara meningkat dengan ketara sebanyak 55.4 peratus kepada RM88.65 bilion

(AS\$20.05 bilion), menjadikan Australia sebagai rakan dagang ke-10 terbesar di peringkat global bagi Malaysia.